

MELUKIS KELUK KESEIMBANGAN FIRMA PASARAN PERSAINGAN SEMPURNA UNTUK TIGA JENIS KEUNTUNGAN PASARAN PERSAINGAN SEMPURNA DENGAN KONSEP 'POTONG PIZZA'

Che Rusidah binti Md Yusuf
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar
Tun Hussein Onn 2, Cheras, Selangor
cherusidah@gmail.com

Abstrak

Kajian ini dilakukan dalam mata pelajaran mikroekonomi Tingkatan Enam. Tajuk yang dipilih ialah Pasaran Persaingan Sempurna iaitu bagaimana melukis dan menggunakan lakaran keluk dalam menghuraikan penentuan output keseimbangan jangka pendek bagi firma yang mendapat untung lebih normal, untung normal dan rugi. Pelajar tidak memahami konsep ekonomi yang banyak menggunakan keluk dan tidak dapat membuat lakaran keluk kerana terdapat banyak keluk dalam mikroekonomi. Objektif kajian ini dilakukan agar pelajar dapat melukis lakaran keluk yang betul bagi tiga jenis keuntungan firma dalam pasaran persaingan sempurna dan dapat membuat huraian keluk mengikut skema dengan menggunakan konsep 'potong pizza'. Kajian berbentuk kajian tindakan ini melibatkan seramai 18 orang pelajar. Data dikutip melalui analisis dokumen dan pemerhatian. Hasil daripada kajian ini menunjukkan pelajar telah boleh melukis dan menghuraikan lakaran keluk dengan baik bagi tiga jenis keuntungan dalam keseimbangan firma. Untuk menilai keberkesanan dan kesahan kajian, 3 langkah telah dilakukan iaitu pra-ujian, di mana semua pelajar disuruh melukis keluk secara spontan di atas kertas berdasarkan ingatan dari pembelajaran lalu tanpa merujuk nota atau teks. Kemudian pengkaji memperkenalkan konsep 'potong pizza' bagi membantu pelajar melukis dengan betul. Seterusnya ujian pos yang berbentuk ujian melukis keluk diberikan untuk melihat kefahaman pelajar. Akhir sekali pelajar diberi borang soal selidik untuk membantu pengkaji mengenalpasti kebaikan dan kelemahan kajian tindakan ini. Kajian selama 3 bulan ini terbukti mampu menjadi satu panduan berguna buat pelajar dalam menghasilkan keluk dengan betul seterusnya dapat menghurai dan menjawab soalan esei dan kuantitatif dengan lebih baik. Pengkaji mengharapkan agar kemahiran ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada keputusan yang baik dalam STPM nanti.

Kata kunci: keluk keseimbangan firma persaingan sempurna, kajian tindakan, potong pizza

Abstract

The study was conducted on Sixth Form students taking the subject on Microeconomics. The selected title was Perfect Competition Market, which is how to draw and use curve sketches in describing the determination of short-term balance output for a more profit-generating firm, a normal profit and loss. Students found it difficult to understand concepts of economics and to draw curves as they have to draw many curves in Microeconomics. Thus, the objective of this study was to enable students to draw perfect curves for the three types of profits made

by firms in the perfect competition market and to describe the curves according to the concept of a 'cut pizza'. This study involved 18 students. Data was collected through document analysis and observation. The results of this study show that students can draw and describe the curves well for three types of profit balance made by firms. To evaluate the effectiveness and validity of the study, 3 steps were taken namely pre-test, in which all students were asked to draw curves spontaneously on papers based on their memory without referring to their notes or text. Then the researcher introduced the concept of 'cut pizza' to assist students to draw curves correctly. Next, a post test on drawing curves was conducted to see how well the student understood the concept. Lastly, students were given a questionnaire to help the researcher identify the advantages and disadvantages of this action research. The 3-month study proved to be a useful guide for students in producing the curves correctly and thus able to elaborate and answer essay as well as quantitative questions. The researcher hoped that this skill will in some ways contribute to students getting better results in the Malaysian Higher School Certificate examination.

1.0 Pengenalan

Kemahiran melukis keluk sangat penting dalam mempelajari ilmu ekonomi (Mohd Nashriq, 2012). Apa bila pelajar tidak dapat melukis keluk dengan betul, ia menunjukkan dengan jelas bahawa pelajar tidak memahami teori ekonomi yang dipelajari. Kesilapan dalam melukis keluk menyebabkan huraian bagi teori yang menggunakan keluk menjadi salah. Seterusnya akan menyebabkan pelajar kehilangan 10 markah bagi setiap satu soalan yang memerlukan bantuan keluk dalam menjawab soalan esei. Kefahaman dalam melukis keluk juga akan membantu pelajar menjawab soalan kuantitatif dengan betul (Mohd Nashriq, 2012).

Lakaran keluk yang salah membolehkan pemeriksa untuk tidak perlu membaca huraian lagi kerana ia sudah cukup jelas untuk mengetahui ketidak fahaman pelajar tentang teori yang dipelajari. Jadi adalah sangat penting untuk pelajar melukis setiap lakaran keluk dengan betul dan tepat.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran terdapat beberapa kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan untuk pengajaran (K.A. Jazmi et al., 2007). Kaedah pengajaran yang lazim digunakan merupakan penyertaan kelas, demonstrasi, bacaan, hafalan atau gabungan daripada kesemua kaedah ini (Fatimah et al., 2013). Pemilihan kaedah pengajaran atau kaedah-kaedah yang akan digunakan bergantung kepada maklumat atau kemahiran yang diajar dan juga boleh dipengaruhi oleh kebolehan dan kesungguhan murid. Kaedah yang boleh digunakan oleh guru adalah seperti perbahasan, permainan dan simulasi, main peranan, projek dan tinjauan, kerja lapangan dan lawatan, syarahan (kuliah), perbincangan, demonstrasi, pembelajaran dengan mengajar, latih tubi dan pengajaran secara pemikiran lateral (Fatimah et al., 2013). Bagaimanapun pengkaji sering menggunakan kaedah syarahan (kuliah) dalam menyampaikan teori kerana sukar bagi pelajar memahami teori dengan menggunakan kaedah lain memandangkan kesuntukan masa dalam menghabiskan sukatan yang banyak.

2.0 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan supaya pelajar dapat meningkatkan kemahiran menjawab soalan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang berkaitan dengan keluk, seterusnya membantu meningkatkan peratus lulus dan PNGK.

3.0 Objektif Khusus

- (i) Meningkatkan kemahiran melakar keluk dalam kalangan pelajar;
- (ii) Pelajar dapat melabel paksi dan keluk serta menghurai dan membuat pengiraan dengan betul dan tepat.

4.0 Pernyataan Masalah

Masalah yang sering dihadapi oleh pelajar ialah kegagalan untuk memahami teori (Ali & Ismail, 2005) yang banyak menggunakan keluk. Oleh itu pelajar sering bermasalah dalam menghasilkan sebuah lakaran keluk yang betul dan tepat. Sesebuah lakaran keluk yang betul dan tepat haruslah mempunyai label paksi yang betul, bentuk lakaran setiap keluk yang mematuhi ciri-ciri yang tertentu.

Apabila guru menyemak beberapa buah lakaran keluk yang dihasilkan oleh pelajar, didapati masih ramai pelajar yang tidak dapat melukis lakaran keluk dengan betul. Masih ada pelajar yang tidak dapat mengingat label paksi. Nama keluk yang dilakar juga tidak dapat dilabel dengan betul. Ini menggambarkan kelemahan pelajar dalam memahami teori. Kadang-kadang pengkaji merasakan pelajar masih tidak layak untuk mempelajari teori ekonomi memandangkan kemahirannya dalam matematik yang lemah dan sikap pelajar yang kurang minat untuk membaca dan mengulangkaji. Mereka lebih banyak menghabiskan masa untuk melayan laman sosial berbanding mengulangkaji pelajaran. Mereka hanya belajar di dalam kelas sahaja. Itu pun kerana terpaksa. Sedangkan pelajar tersebut terpaksa menghadapi peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) setiap 4 bulan selama 3 penggal beserta kena menghasilkan kerja kursus bagi setiap matapelajaran (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2013).

5.0 Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian tindakan yang menggunakan model Kemmis dan Mc Taggart (1988). Dalam kajian ini penyelidik menggunakan dua kali gelungan kajian tindakan bagi melaksanakan kajian. Data diperolehi melalui soal selidik kepada pelajar serta analisis dokumen terhadap ujian pra dan pos. Kajian ini melibatkan 18 orang pelajar Tingkatan 6 Rendah SMK Bandar Tun Hussein Onn 2 yang terdiri daripada 9 orang pelajar lelaki, dan 9 orang pelajar perempuan pelbagai kaum. Tahap penguasaan pelajar adalah sederhana. Interaksi yang digunakan ialah melalui komunikasi secara verbal (lisan), alat bantu belajar (OHP projektor) dan penulisan. Oleh itu diharapkan kajian ini juga sesuai dimanfaatkan kepada pelajar sekolah-sekolah lain yang menghadapi masalah yang sama dalam menghasilkan lakaran keluk yang betul dan tepat. Kajian ini dilakukan pada tahun 2018. Ini bermakna data yang dikutip dan diambil adalah pada tahun 2018 dan ia menggunakan sampel responden dengan skop kajian yang menggunakan sukatan pelajaran tahun 2018. Namun begitu keboleh gunaannya masih signifikan setiap tahun kerana kaedah yang digunakan sangat efektif dan kompetitif.

6.0 Kaedah Yang Diperkenalkan

Setelah menganalisis beberapa kelemahan pelajar maka pengkaji telah memperkenalkan konsep 'Potong Pizza' bagi menghasilkan lakaran keluk keseimbangan firma dengan betul dan tepat. Ini adalah kerana pengkaji mendapati pelajar sukar memahami teori yang agak abstrak. Oleh itu, pengkaji cuba mengaitkan dengan benda maujud yang agak nyata dan tidak abstrak.


Kaedah 'Potong Pizza'



Cara Pelaksanaan

Langkah 1 : Guru memulakan kelas dengan menerangkan konsep 'Potong Pizza' bagi menghasilkan rajah keseimbangan firma dalam Pasaran Persaingan Sempurna dengan tepat. Guru menunjukkan cara-cara melukis keluk dengan bantuan Model Pizza dan pisau yang diperbuat daripada kertas. Manakala pelajar dibekalkan dengan model mini pizza dan pembaris sebagai pisau untuk melakarkan keluk. Pengkaji cuba mengaitkan untung lebih normal dengan kejayaan pisau memotong pizza. Manakala untung normal dikaitkan dengan keadaan pisau cuma menyentuh pizza. Akhir sekali rugi dikaitkan dengan pisau yang tidak berjaya memotong pizza. Manakala nama-nama keluk, paksi dan titik keseimbangan pula dikaitkan dengan sebuah cerita. Rajah 1 di sebelah ialah untuk kes firma mendapat untung lebih normal.


FIRMA PPS MENDAPAT UNTUNG LEBIH NORMAL



Rajah 1(a) : Firma PPS Mendapat Untung Lebih Normal

Rajah 1(a) Pizza di atas yang dikaitkan dengan cerita dapat membantu pelajar melukis keluk sebenar seperti Rajah 1(b).

FIRMA PPS MENDAPAT UNTUNG LEBIH NORMAL




Rajah 1(b) : Firma PPS Mendapat Untung Lebih Normal

Keluk AC yang berbentuk U dikaitkan dengan bentuk pizza Ayam Cendawan, manakala bentuk keluk $P = DD = AR = MR$ yang bergaris lurus secara mendatar dikaitkan dengan garisan potongan yang dibuat menggunakan Pisau yang dimiliki oleh Didi Anak Romeo dan Minah Ronggeng. Paksi Kuantiti dikaitkan dengan kotak dan paksi P/C/R dikaitkan Pak Cik Rahman yang membelanjakan pizza. Untuk untung lebih normal, pisau mestilah memotong pizza manakala untuk untung normal, pisau hanyalah menyentuh pizza dan untuk yang rugi pisau tidak memotong pizza langsung.

Rajah 2 di sebelah ialah untuk kes firma mendapat untung normal.


FIRMA PPS MENDAPAT UNTUNG NORMAL



Rajah 2 (a) : Firma PPS Mendapat Untung Normal


Pizza tersebut juga dikaitkan dengan cerita untuk dapat membantu pelajar melukis keluk sebenar seperti Rajah 2 (b) di bawah.

FIRMA PPS MENDAPAT UNTUNG LEBIH NORMAL




Rajah 2(b) di sebelah ialah untuk kes firma mendapat untung kurang normal / rugi.

FIRMA PPS MENDAPAT UNTUNG KURANG NORMAL



Rajah 2(b) Pizza di atas juga dikaitkan dengan cerita untuk dapat membantu pelajar melukis keluk sebenar seperti rajah di bawah.

FIRMA PPS MENDAPAT UNTUNG KURANG NORMAL



Langkah 2 : Guru seterusnya memanggil beberapa pelajar yang bermasalah untuk melukis semula di papan putih di hadapan kelas secara bergilir-gilir untuk ke tiga-tiga jenis keuntungan. Ini memberi peluang kepada guru untuk memberi komen supaya menjadipanduan kepada pelajar lain.

Langkah 3 : Guru memberi model mini pizza untuk setiap pelajar seterusnya meminta semua pelajar melukis kesemua rajah untuk 3 jenis keuntungan menggunakan bantuan model mini pizza tersebut.

7.0 Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini dibahagikan tiga dapatan iaitu dapatan ujian pra, dapatan ujian pos dan soal selidik.

7.1 Ujian Pra

Sebagai satu cara untuk mengetahui tahap penguasaan pelajar bagi menghasilkan lakaran keluk keseimbangan firma bagi pasaran persaingan sempurna, ujian pra dilakukan terlebih dahulu. Melalui ujian yang dilakukan, guru menjalankan penilaian bagi lakaran yang dibuat oleh setiap pelajar. Beberapa aspek diperhatikan. Antaranya:

- 1 Sama ada pelajar dapat melabel paksi dengan betul.
- 2 Sama ada pelajar dapat melukis keluk dengan ciri-ciri yang betul.
- 3 Sama ada pelajar dapat melabel keluk dengan betul
- 4 Sama ada pelajar dapat menentukan titik keseimbangan pada rajah.
- 5 Sama ada pelajar dapat menentukan jumlah hasil, jumlah kos dan jumlah untung pada lakaran keluk dengan tepat.

Berdasarkan ujian yang dilakukan, kesemua lakaran keluk yang pelajar hasilkan tidak menepati kriteria pemarkahan yang guru telah gariskan. Terdapat beberapa pelajar yang langsung tidak mempunyai kesemua 4 kriteria yang diberikan. Ini menunjukkan bahawa, tahap kemahiran penghasilan lakaran keluk tidak memuaskan.

Jadual 1: Dapatan Ujian Pra

Kriteria	Betul (orang)	Salah (orang)
1. Dapat melabel paksi dengan betul.	10	8
2. Dapat melukis keluk dengan ciri yang betul.	8	10
3. Dapat melabel keluk dengan betul.	5	13
4. Dapat menentukan titik keseimbangan pada rajah.	4	14
5. Dapat menentukan jumlah hasil, jumlah kos dan jumlah untung pada lakaran keluk dengan tepat.	3	15

Sumber: *Ujian Pra ke atas 18 Orang Murid Tingkatan 6 Rendah, SMK Bandar Tun Hussein Onn 2.*

Berdasarkan Jadual 1, jumlah pelajar yang menepati kriteria bagi kesemua aspek dalam keadaan pelbagai dikaji. Ini bermakna tidak ada seorang pun pelajar yang konsisten melengkapinya kesemua kriteria.

Kesimpulan Ujian Pra

Kesimpulan yang boleh dibuat melalui ujian pra ini, kefahaman pelajar berada pada tahap sederhana. Terdapat segelintir pelajar yang boleh menghasilkan keluk dengan baik tetapi tidak dapat melabelkan rajah dengan lengkap (tidak menepati kriteria penilaian pertama). Namun seandainya kesemua kriteria dimasukkan pada rajah, maka sudah tentu pelajar yang mempunyai potensi ini terus berjaya menghasilkan sebuah keluk dengan tepat.

7.2 Ujian Pos

Selepas penerangan konsep 'Potong Pizza' pengkaji telah menjalankan ujian pos bagi menilai prestasi pelajar. Setelah menganalisis hasil jawapan pelajar selepas menggunakan konsep 'Potong Pizza' di dapati terdapat perubahan besar dalam menghasilkan jawapan esei yang baik. Berikut adalah jadual keputusan penilaian untuk soalan esei tingkatan 6 PLAC setelah mempelajari konsep 'Potong Pizza'.

Jadual 2: Keputusan Ujian Pos

Kriteria	Betul (orang)	Salah (orang)
1. Dapat melabel paksi dengan betul	18	0
2. Dapat melabel keluk dengan betul	18	0
3. Dapat melukis keluk dengan ciri-ciri yang betul.	18	0
4. Dapat menentukan titik keseimbangan pada rajah.	18	0
5. Dapat menentukan jumlah hasil, jumlah kos dan jumlah untung pada lakaran keluk dengan tepat.	18	0

Sumber: Ujian Pra ke atas 18 Orang Murid Tingkatan 6 PLAC, SMK Bandar Tun Hussein Onn 2.

Setelah di teliti daripada keputusan ujian Pra dan Pos dapatlah di buat perbandingan kejayaan kajian tindakan ini merujuk jadual perbandingan keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos seperti di bawah.


Jadual 3 : Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Pos

Ciri Kriteria (Aspek)	Jumlah (Orang)	
	Ujian Pra	Ujian Post
1. Dapat melabel paksi dengan betul	10	18
2. Dapat melabel keluk dengan betul	8	18
3. Dapat melukis keluk dengan ciri-ciri yang betul.	5	18
4. Dapat menentukan titik keseimbangan pada rajah.	4	18
5. Dapat menentukan jumlah hasil, jumlah kos dan jumlah untung pada lakaran keluk dengan tepat.	3	18

Sumber: Ujian Pra ke atas 18 Orang Murid Tingkatan 6 PLAC, SMK Bandar tun Hussein Onn 2.

Daripada Jadual 2 dan 3 di atas didapati terdapat perubahan yang ketara dalam keputusan yang dicapai setelah penggunaan konsep 'Potong Pizza'. Ini membuktikan terdapatnya kesan positif setelah menggunakan kaedah ini. Contohnya seperti graf 1 di bawah:

Graf 1: Menunjukkan perbandingan jumlah pelajar yang dapat melukis keluk mengikut ciri-ciri yang betul sebelum dan selepas diperkenalkan Konsep Potong Pizza.



Sumber: Ujian Pra ke atas 18 orang murid Tingkatan 6 PLAC, SMK Bandar Tun Hussein Onn 2

Graf 1

Di dalam graf 1 di atas, jelas menunjukkan perubahan yang ketara antara sebelum dan selepas bagi ketepatan melukis keluk keseimbangan firma Pasaran Persaingan Sempurna. Sebelum ujian pos dijalankan, sebanyak 10 orang pelajar sahaja daripada 18 orang yang melabel paksi dengan betul. Manakala lakaran keluk yang menepati prinsip hanyalah 8 orang daripada 18 pelajar. Murid yang dapat melabel keluk dengan betul hanyalah 5 orang. Hanya 4 orang daripada 18 orang dapat menentukan titik keseimbangan dengan betul. Akhir sekali yang dapat menentukan jumlah hasil, jumlah kos dan untung hanyalah 3 orang. Namun selepas ujian pos dijalankan, kesemua 18 orang pelajar didapati menepati kehendak semua kriteria.

Secara keseluruhannya, setelah ujian pos dilaksanakan, terdapat banyak kesan positif dari segi jumlah bilangan pelajar yang menepati kriteria dari segi label paksi, bentuk keluk dan label pada keluk dan huraian keluk. Ini menunjukkan kaedah yang di cipta ini mampu untuk setidaknya-tidaknya mengubah cara mengingat pelajar dalam penghasilan keluk dan secara keseluruhannya sangat bermanfaat untuk di praktikan oleh pelajar yang lemah.

7.3 Soal Selidik


Soal selidik dilakukan bagi melihat respon pelajar terhadap pengenalan kaedah yang dilakukan. Rekabentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk deskriptif. Deskriptif dipilih kerana mudah untuk dianalisis berdasarkan min, purata, median dan frekuensi. Ini dapat menggambarkan dengan jelas hasil dapatan kajian dan pegolahan data mudah untuk difahami. Kesemua item diukur menggunakan skala *likert* dua tahap. Skala *likert* terdiri daripada dua skala, iaitu ya ataupun tidak dan berlegar sekitar 5 soalan sahaja. Kebanyakan item membawa persolan yang menyentuh tentang keberkesanan kepada skop kajian ini.

Jadual 4 : Keputusan Soal Selidik Tentang Keberkesanan Kaedah ‘Potong Pizaa’ Bagi Melakar keluk keseimbangan firma pasaran persaingan sempurna dengan Baik.

Bil	Soalan	Jawapan Ya	Jawapan Tidak
1	Adakah anda sukar untuk mengingati bentuk lakaran keluk keseimbangan firma pasaran persaingan sempurna sebelum ini?	13	5
2	Adakah anda sukar mengingati nama-nama setiap keluk sebelum ini?	16	2
3	Adakah anda belum pernah menggunakan kaedah seumpama ini untuk mengingati bentuk lakaran keluk serta namanya sebelum ini?	18	0
4	Adakah konsep ‘Potong Pizza’ yang diperkenalkan ini mudah untuk anda fahami?	18	0
5	Adakah kaedah ini sangat membantu anda?	18	0

Sumber: Soal selidik ke atas 18 Orang Murid Tingkatan 6 PLAC, SMK Bandar Tun Hussein Onn 2.

Jadual di atas dapat dipersembahkan dalam bentuk histogram seperti di bawah.



Graf 2

Graf di atas menunjukkan bahawa 13 daripada 18 pelajar mendakwa sukar untuk mengingati bentuk lakaran keluk keseimbangan firma dalam pasaran persaingan sempurna. 16 orang pelajar pula mendakwa mereka sukar untuk mengingati nama-nama setiap lakaran keluk. 100% pelajar mendakwa bahawa mereka tidak pernah didedahkan apa-apa kaedah yang relevan digunakan untuk menghasilkan lakaran keluk dengan mudah. Melalui soal selidik ini juga jelas menunjukkan pelajar memerlukan satu kaedah yang baik bagi memahirkan melukis lakaran keluk. Maka kaedah ini dirasakan wajar dan tepat pada masanya memandangkan sikap pelajar yang tidak membuat ulangkaji.

Soalan keempat menunjukkan sebanyak 100% pelajar mudah mengingati kaedah yang diperkenalkan ini. Pelajar yang tidak dapat memahami kaedah ini mungkin disebabkan murid tersebut mempunyai masalah komunikasi visual dan audio semasa penerangan dijalankan.

Soalan kelima menunjukkan semua pelajar bersetuju kaedah ini sangat membantu mereka untuk mudah memahami cara untuk menghasilkan lakaran yang betul. Ini menunjukkan bahawa konsep potong pizza dapat membantu pelajar untuk melakar serta menghurai. Kaedah ini berjaya untuk membantu memudahkan ingatan pelajar. Kaedah ini juga menunjukkan tiada lagi pelajar yang sukar untuk menghuraikan lakaran yang sudah buat. Ini terbukti apabila 100% menyatakan ya bagi soalan ini.

Secara keseluruhannya, melalui soal selidik ini, jelas membuktikan kaedah ini boleh dan mampu memantapkan penghasilan sebuah keluk keseimbangan bagi firma pasaran persaingan sempurna. Ini dapat dibuktikan melalui respon yang dikutip setelah selesai kaji selidik dijalankan.

8.0 Perbincangan dan Rumusan

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji kajian yang dijalankan ini sangat sesuai di gunapakai oleh pelajar bagi menjawab soalan esei yang memerlukan pelajar memberi lakaran keluk yang telah pun diajar oleh pengkaji (penulis). Pengkaji merasakan kaedah ini sangat sesuai apabila kajian soal selidik dilakukan membuktikan kaedah ini diterima baik oleh pelajar.

Di samping itu, setelah ujian pos dilakukan, perubahan yang mendadak dapat dilihat melalui peningkatan bilangan pelajar yang dapat melukis keluk dengan tepat mematuhi kriteria yang perlu ada pada lakaran telah diberikan. Ini menggambarkan pengkaji telah berjaya membantu pelajar melukis keluk dengan jayanya. Walaubagaimanapun, masih terdapat beberapa pelajar yang bersikap cuai dalam melabelkan keluk walaupun mereka telah dapat melukiskan lakaran dengan betul dan tepat.

Kesimpulannya, inovasi ini boleh di ketengahkan dengan jayanya seandainya kaedah ini dibuat pengubah suaian untuk keluk-keluk jenis lain dan di ajarkan kepada murid-murid yang lemah agar dapat diterima dengan baik. Disamping itu penerapan dari guru tentang pentingnya kemahiran melakar keluk dalam mata pelajaran ekonomi juga harus ditekankan kepada semua pelajar. Kadang-kadang pelajar gemar mengambil ringan untuk melakar keluk sehinggalah mereka akan kehilangan markah untuk lakaran dan huraian. Justeru kaedah ini adalah amat sesuai untuk mengatasi masalah melakar keluk bagi pelajar yang lemah, di mana ianya mudah diingati dan menepati kriteria yang digariskan.

Rujukan

- Ali, J., & Ismail, C. E. M. C. E. (2005). *Teori mikroekonomi*. Prentice Hall.
- Fatimah Affendi, Md Mohtar Manan & Erni Hezliza Inche Amat (2013). Definisi Pengajaran Berkesan. Retrieved August 10, 2018, from <http://pedagogi-pendidikan.blogspot.com/2013/06/definisi-pengajaran-berkesan.html>
- Hairul Faiezi Bin Lokman. (2010). *Penggunaan kaedah 'Faizi' bagi menulis pendahuluan sebuah karangan fakta, perbincangan dan pendapat yang baik*. Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sentosa, 48300 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
- Hairul Faiezi Bin Lokman. (2018). *Helaian maklumat kajian tindakan menggunakan kaedah FAIZI. Bengkel Kajian Tindakan Penggunaan Kaedah FAIZI*. IPG Kampus Ilmu Khas, Chera, Kuala Lumpur.
- Madznah Bachok. (2010). *Helaian Maklumat Kajian Tindakan. Kursus Pembinaan Laporan Kajian Tindakan Hulu Selangor 2010*. Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Selangor, Selangor.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2013). *Modul Pengajaran dan Pembelajaran Ekonomi STPM* (2013 ed., Vol. 1). Selayang, Selangor.
- Mohd Nashriq. (2012). Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP). Retrieved August 11, 2018, from <https://nashnote.wordpress.com/2012/01/24/keluk-kemungkinan-pengeluaran/>
- Ng Kim Choy. (2001). *Kajian Tindakan: Panduan Asas*. Sandakan, Sabah: Maktab Perguruan Sandakan.